

02/01/1998

Jadikan 1998 tahun selesai masalah

KITA sudah pun melangkah ke tahun baru 1998 dan meninggalkan 1997 yang begitu getir setelah kekukuhan ekonomi yang kita bina, cuba dimusnahkan. Disebabkan pengalaman pahit ini kita kongsi bersama dengan beberapa negara lain di rantau ini, maka kita perlu akur bahawa bukan kita saja yang ditimpa bencana. Negara jiran kita mengalami masalah yang lebih teruk dan terpaksa meminta bantuan daripada pihak luar termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) walaupun kesannya amatlah besar. Kita bersyukur kerana Malaysia masih dapat bertahan dan mampu mengawal keadaan. Sebahagian usaha ini dapat dilakukan berasaskan kepada keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan menangani masalah itu.

Atas keyakinan bahawa cahaya sentiasa bersinar di hari muka, kita perlu tingkatkan azam untuk menghadapi segala cabaran ini. Jika semua rakyat, tanpa mengira kedudukan `sanggup berkorban', rasanya keperitan yang ditanggung akibat kegawatan ekonomi hari ini, akan kebah dalam tempoh yang lebih singkat. Atas penegasan inilah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan tahun barunya, mengajak rakyat berkorban untuk memulihkan ekonomi negara yang meruncing. Pengertian pengorbanan ini perlu dapat dihayati sepenuhnya dengan ikhlas. Hanya dengan menghayati erti pengorbanan saja membolehkan kita dengan rela melaksanakan usaha sendiri untuk memulihkan keadaan.

Salah satu cara yang dianggap praktikal ialah meningkatkan tabungan. Bagi individu ialah dengan cara menabung. Dengan menabung bermakna kita mengelakkan pembaziran. Adalah tidak adil kita menghalang rakyat daripada berbelanja tetapi apa yang ditekankan ialah berbelanja untuk perkara yang perlu saja. Bagi perkara yang kurang diperlukan, ia boleh ditangguhkan atau dibatalkan. Kita percaya, setiap orang mempunyai cara tersendiri untuk menjimatkan belanja. Paling penting, setiap individu di negara ini mempunyai kemampuan untuk menabung, walaupun kecil jumlahnya. Ia hanya bergantung kepada keinginan berbuat demikian atau sebaliknya.

Kita sedar, walau pun berjimat, ia tetap memberi kesan kepada sektor ekonomi yang lain. Contohnya, jika ramai pekerja membawa bekal ke pejabat dengan matlamat untuk mengurangkan belanja, bermakna peniaga makanan, pengusaha kantin dan peniaga gerai menghadapi kekurangan pelanggan. Jika terpaksa, mereka perlu menjalankan usaha baru untuk menyara keluarga. Inilah yang dikatakan pengorbanan. Setiap pihak perlu menerima dengan rela kesan tindakan sesuatu golongan atau langkah kerajaan dalam membetulkan keadaan. Jika kita mengurangkan barangan import, kesannya akan dirasai pengimport. Jika kerajaan mengawal projek pembangunan, kontraktor dan pemaju menerima kesannya, jika kerajaan mengarahkan bank mengawal pinjaman, ramai rakyat yang tidak dapat menguruskan urusan masing-masing. Walaupun kita tahu keadaan hari ini menimbulkan keresahan, diharapkan ia hanyalah fenomena sementara. Jika kita berasa kesan daripada keadaan hari ini, kita seharusnya mencari jalan untuk menyelesaikannya. Kita berharap, tahun 1998, tidak menjanjikan keadaan yang lebih gawat. Kita mengharapakan tahun ini menjadi tahun penyelesaian masalah jika rakyat sama-sama melakukannya. Kita perlu yakin, jika setiap individu memainkan peranan masing-masing, kita akan dapat mengembalikan kesejahteraan kita. Sebaliknya, jika kita melakukan perkara yang bertentangan dengan cara atau usaha yang dilakukan untuk memperbaiki keadaan, kita tidak dapat lari daripada menerima kesan yang lebih teruk.

Kita tertarik dengan azam tiga parti utama dalam Barisan Nasional (BN)

untuk menjadikan tahun baru ini sebagai tahun berjimat dan bekerja kuat. Dengan komitmen MCA, MIC dan Gerakan untuk menongkah cabaran hari muka bersama Umno, kita mahu lihat segala jentera digerakkan segera. Ia tidak seharusnya menjadi slogan perutusan tahun baru semata-mata tetapi tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Pada kita, selain menggalakkan orang ramai menabung, kita juga seharusnya berkempen kepada masyarakat peniaga supaya tidak menggunakan pelbagai cara yang boleh mendorong orang ramai berbelanja dengan mewah. Disebabkan kita menghadapi perayaan berganda dalam tempoh yang terdekat ini, tarikan untuk berbelanja mewah adalah besar. Kita bimbang ramai yang berbelanja lebih daripada biasa. Semua ini boleh membantutkan usaha kita menggalakkan masyarakat untuk menabung. Ini adalah cara yang kita anggap bertentangan dengan semangat menggalak rakyat menabung.

(END)